

ANGKASA rancang transformasi sektor

➔ Langkah
gerakkan fungsi
institusi secara
menyeluruh

Oleh Nabil Basaruddin
dan Audrey Vijandren
bhbiz@nstp.com.my

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) mahu melaksanakan transformasi kepada sektor koperasi negara, dalam usaha menggerakkan fungsi institusi itu secara menyeluruh.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata sehingga kini koperasi bersaiz besar di Malaysia adalah koperasi kredit yang memberikan perkhidmatan pembiayaan seperti pinjaman peribadi kepada ahlinya.

Beliau berkata, tujuan transformasi yang mahu dilakukan itu adalah selari dengan hasrat mengubah peranannya dan tidak hanya memfokuskan kepada bidang tertentu.

"Tujuan kami tubuhkan koperasi adalah untuk memberi perkhidmatan kepada ahlinya supaya

dapat menambah baik taraf hidup, ekonomi serta sosial.

"Sebagai contoh di Korea dan Jepun, kebanyakan aktiviti harian adalah membabitkan koperasi dan semua ahli akan sertainya dan perkara berkenaan adalah sebaliknya di Malaysia.

"Ini adalah cabaran yang perlu kami sahut dan penghormatan kepada ANGKASA untuk mengubah situasi ini kerana ia sebenarnya membawa peranan institusi koperasi ke peringkat yang lebih besar," katanya ketika ditemui selepas pertemuan bersama Majlis Penasihat Kerajaan (MPK) di Kuala Lumpur, semalam.

Kaji undang-undang batas peranan

Abdul Fattah berkata, dasar dan undang-undang yang bersifat 'tidak mesra' kepada koperasi perlu dikaji semula atau dihapuskan agar institusi itu mampu tampil sebagai penyumbang yang lebih berkesan kepada negara.

Katanya, setakat ini, ada 28 garis panduan yang disyaratkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang perlu dipatuhi oleh semua gerakan koperasi.

"Beberapa dasar yang sedia ada itu dilihat membataskan peranan koperasi untuk mencapai prestasi maksimum seperti usaha untuk menjalankan perniagaan.

"Malah, ketika ini juga, sumbangan sektor koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah antara 3.0 hingga 4.0 peratus atau RM40 bilion yang dianggap satu jumlah yang kecil dan perlu dipertingkatkan," katanya.

Dua sektor keutamaan

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, antara usaha lain adalah menjadikan peruncitan dan perumahan sebagai dua sektor keutamaan dalam memperkasa dan memperkukuh pertumbuhan koperasi dalam negara.

Katanya, bagi segmen peruncitan ia dapat menggalakkan aktiviti pengeluaran dalam kalangan ahli dan ia termasuk produk pertanian yang mempunyai potensi untuk dibangunkan.

"Kita boleh lihat dengan memfokus kepada bidang ini, ia juga dapat mengurangkan kos sara hidup dalam kalangan ahli," katanya.

Beliau berkata, konsep koperasi bukan seperti perniagaan kapitalis yang hanya mahu mengaut keuntungan, namun adalah lebih kepada menawarkan manfaat kepada ahli koperasi itu sendiri.

Gerakan koperasi di bawah ANGKASA mempunyai 6.5 juta ahli dari lebih 14,000 koperasi.

Fakta
nombor

RM40
BILION
sumbangan
sektor koperasi
kepada KDNK

6.5
JUTA
ahli gerakan
koperasi di bawah
ANGKASA

[FOTO BERNAMA]



Abdul Fattah menjawab pertanyaan media selepas pertemuan bersama MPK di Kuala Lumpur, semalam.